

Oleh Mohd Izham  
Unnip Abdullah  
thaddius@bharian.com.my

BH 22.12.2011 8x9

# Karnival TaHa@U pikat siswa UMS

KARNIVAL TaHa@U anjuran Tabung Haji (TH), Berita Harian dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Anjung Perdana Kolej Kediaman E, UMS Kota Kinabalu pada 10 Disember lalu disambut meriah dengan

kira-kira 500 pelajar mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang diatur sempena karnival itu.

Larian maraton di sekitar kampus UMS yang dilepaskan

Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohd Ridzuan Wahid pada jam 8 pagi mendahului acara karnival berkenaan sebelum disusuli perlawanan futsal dan bola jaring serta

persembahan Kelab TaHa@UMS oleh penghuni Kolej Kediaman E, UMS.

Turut diadakan acara sukaneka antaranya permainan congkak, karom dan catur serta aktiviti menderma darah dan pendaftaran ahli baru Kelab TaHa@UMS.

Majlis pelancaran karnival disempurnakan Ketua Pegawai Operasi TH, Datuk Kamarudin Mat Ali. Tetamu yang turut hadir Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali yang mewakili Timbalan Naib Canselor Hal'ehwal Pelajar UMS, Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur, serta Ketua Biro Berita Harian Sabah, Veena Rusli.

Beberapa acara termasuk persembahan silat, tarian kebudayaan dan alat muzik tradisional serta cabutan tiket bertuah dan penyerahan watakah pelantikan sekretariat Kelab TaHa@UMS turut diadakan mengambil sempena majlis berkenaan.



Kamarudin

Dalam ucapannya, Kamarudin berkata, penganjuran karnival itu bertujuan memberi penghargaan dan menemukan ahli TaHa@U selain mempromosi Kelab TaHa@U kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang belum menjadi ahli dan menabung dalam TH.

"Penubuhan Kelab TaHa@

U adalah satu usaha murni TH dalam usaha mempelbagaikan program dan aktiviti untuk ahli serta membangkitkan keinginan menunaikan ibadat haji pada usia muda. Ini termasuklah menggalakkan generasi muda menabung, berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah ketika masih belajar.

"Sikap dan nilai baik yang disemai menerusi kelab ini dapat membantu dalam usaha kita membina generasi muda yang prihatin dan mampu memberi sumbangan kepada kesejahteraan serta kemakmuran ummah dan negara pada masa depan," katanya.

Beliau berkata Kelab TaHa@U mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan pelajar IPT awam dan swasta dengan lebih separuh daripadanya ialah pelajar UMS, disusuli pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah dan Politeknik Kota Kinabalu (PKK).

Katanya, di Sabah bilangan



AHLI Kelab TaHa@U menderma darah.

ahli Kelab TaHa@U pada masa ini mencecah lebih 5,000 orang dengan lebih separuh daripadanya ialah pelajar UMS, disusuli pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah dan Politeknik Kota Kinabalu (PKK).

"Antara keistimewaan dinikmati ahli Kelab TaHa@U termasuklah peluang berkhidmat dengan TH menerusi program Skim Latihan 1 Malaysia atau menjalani latihan amali dan menjadi sukarelawan semasa musim haji, khususnya ketika

kursus perdana haji.

"Pada masa yang sama ahli kelab juga berpeluang berkhidmat sebagai sukarelawan program 'mentor dan mentee' antara pelajar universiti dan pelajar sekolah serta menyertai program kemasyarakatan



PELAJAR UMS mengisi borang keahlian Kelab TaHa@U.

seperti baktisiswa dan gotong royong yang dianjurkan oleh TH dan IPT," katanya.

Sementara itu, Dr Ismail

berkata, pendekatan TH mengembangkan penubuhan Kelab TaHa@U di UMS dapat membantu usaha universiti

membangunkan sahsiah pelajar menerusi pembabitan ahli dalam pelbagai program yang dianjurkan TH.

**VARSITI** mengalu-alukan bahan sumbangan mengenai aktiviti pelajar, universiti dan kakitangan untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Berita dan gambar yang tinggi resolusinya hendaklah die-melkan ke: bhvarsiti@bharian.com.my untuk dipertimbangkan siaran.



SEBAHAGIAN ahli Kelab TaHa@U yang menghadiri pelancaran karnival kelab itu di UMS Kota Kinabalu, baru-baru ini.